

KATALOG COM

I. Kad Katalog Kemaskini di Perpustakaan Universiti Malaya

Kad-kad katalog tradisional berukuran 3 x 5 telah digunakan sebagai asas kad katalog oleh kebanyakan perpustakaan di seluruh dunia. Ini adalah juga benar di Perpustakaan Universiti Malaya. Di dewan katalog am, katalog-katalog berikut adalah dikendalikan:

- (a) Katalog Pengarang/Tajuk
- (b) Katalog Perkara
- (c) Katalog Koleksi Buku-buku Bertanda Merah
- (d) Katalog Koleksi Cina (dalam huruf Cina)
- (e) Katalog Koleksi Tamil, dalam tulisan Tamil, adalah dalam bentuk "stripdex"

Di bilik-bilik kerja, terdapat katalog-katalog berikut:

- (a) Katalog Induk
- (b) Katalog bahan-bahan Bahasa Malaysia dan Bahasa Indonesia
- (c) Katalog Malaysiana, dibahagikan mengikut susunan Pengarang/Tajuk dan Perkara
- (d) Katalog Koleksi Kebangsaan
- (e) Katalog bahan-bahan yang dilaporkan hilang setelah perkiraan stok
- (f) Katalog bahan-bahan dalam proses, serta Daftar Perolehan adalah juga dikendalikan, sebaliknya borang pesanan dan bukan kad katalog digunakan.

II. Automasi Proses Mengkatalog di Perpustakaan Universiti Malaya

Keputusan automasi proses mengkatalog telah dibuat pada akhir tahun 1981. Disebabkan oleh kenaikan harga-harga kad-kad katalog, pencetakan, kabinet-kabinet katalog dan keperluan tenaga, ramai perpustakaan di negara-negara yang telah dan sedang membangun, khususnya di perpustakaan-perpustakaan universiti, telah mengalih kepada automasi atau mengkatalog secara komputer sebagai satu penyelesaian yang dapat mengurangkan kos dengan berkesan. Sistem yang dikerjakan dengan tangan tidak dapat berdaya mengatasi letupan cetakan (printed explosion) — penerbitan-penerbitan semakin bertambah tinggi dan sedang membanjiri pasaran perpustakaan. Mengkatalog secara komputer, jadinya memberi jawapan yang berkesan untuk membentuk satu database yang luas dan pengurusan data yang betul.

"Library of Congress" yang kebetulannya adalah Perpustakaan yang besar sekali di dunia dengan Koleksi yang melebihi 75 juta naskah, telah wujud satu sistem mengkatalog secara komputer yang dikenali sebagai MARC (Machine Readable Cataloguing). "The British Library" telah menuruti dengan beberapa perbezaan. MALMARC (atau MARC Malaysia) adalah penyesuaian sistem MARC yang sesuai dengan keadaan dan keperluan tempatan. Institusi-institusi yang mengambil bahagian dalam projek MALMARC adalah Universiti Sains Malaysia (penyelaras projek), Perpustakaan Negara Malaysia, Universiti Pertanian, Universiti Kebangsaan dan Universiti Malaya. Kos langganan untuk pita-pita MARC dari "Library of Congress" dan pita-pita MARC dari UK telah banyak diturunkan bagi tiap-tiap institusi akibat dari pembahagian kos dan penyertaan bersama lima buah perpustakaan tersebut tadi. Database-database MARC yang digunakan untuk pemilihan rekod adalah fail-fail MARC dari "Library of Congress" yang pada masa ini, mempunyai rekod-rekod semenjak tahun 1975 seterusnya, dan fail-fail MARC dari UK yang mempunyai rekod-rekod dari tahun 1950 dan seterusnya.

III. COM Katalog Berbentuk Mikrofis

COM adalah satu hasil sampingan langsung mengkatalog secara komputer. COM adalah satu sistem yang menggabungkan komputer dan teknologi mikroform untuk memberi sesuatu perpustakaan penyelesaian yang dapat mengurangkan kos jika dibandingkan dengan kad katalog. Walaupun kad-kad katalog yang dicetak boleh dimenjana oleh komputer, akan tetapi kerja memfail mesti dikerjakan dengan tangan. Kerja ini adalah membosankan dan melibatkan banyak masa seseorang kerani. Kesalahan memfail sering berlaku. Dalam COM, entri-entri adalah difail secara automatik oleh komputer sebelum mikrofis dihasilkan. Sebagai ganti kad katalog besar yang semakin bertambah dan mengambil tempat yang luas, COM mengambil tempat yang sedikit, walaupun, seseorang mesti memakai alat membaca mikrofis untuk menggunakan katalog COM. Satu lagi faedah besar COM ialah sesuatu perpustakaan dapat mengedarkan sebanyak mana bilangan katalog di seluruh kampus seperti dikehendaki kerana membuat salinan mikrofis adalah murah. Semua jabatan di Universiti boleh, jika perlu, menyediakan katalog pengarang/tajuk dan perkara dari Perpustakaan dalam jabatannya sendiri dan dapat peluang menggunakannya dengan senang. Hanya perlu bagi sesebuah jabatan itu memperolehi satu alat membaca mikrofis.

COM adalah diterbitkan sukutahunan dan adalah ditimbun-tambah setiap kali ianya dimikrofoskan. COM bagi sukutahun yang akhir akan mengandungi semua rekod katalog masukkan (input) bagi tahun itu. Supaya bersesuaian dengan masa, cetakan komputer adalah dibuat tiap-tiap bulan untuk melengkapkan terbitan yang dibuat sukutahunan.

IV. Penutupan katalog berbentuk kad di Perpustakaan Universiti Malaya

Katalog berbentuk kad di Perpustakaan Universiti Malaya telah ditutupkan pada 31 Disember 1981. Penerbitan COM yang pertama akan dikeluarkan pada permulaan bulan April 1982. Pada waktu sementara, iaitu, bagi beberapa tahun, kedua-dua kad katalog dan COM terpaksa digunakan untuk merundingkan simpanan Perpustakaan sehingga perubahan retrospektif bagi semua entri kad katalog telah diubahkan ke COM.

V. Alat-alat yang dibeli untuk COM

Untuk menggunakan COM, alat membaca mikrofis yang sesuai adalah sangat perlu. Layarnya mestilah berjenis kontras tinggi (high contrast) dan tidak menyilaukan (non-glare) Lensa (lens) yang dipilih mesti membekalkan pembesaran (magnification) 48 X bersesuaian dengan COM yang dikeluarkan di tempat sendiri. Satu lagi sifat yang penting dalam alat membaca mikrofis adalah "carriage" yang boleh terbuka dengan sendiri. Dengan ini kemasukan dan perolehan kembali sesuatu mikrofis dapat dibuat dengan senang dan cepat. Supaya mengesan sesuatu kerangka mikrofis, pembekalan kekisi indeks (index grid) adalah sangat penting. Lampu kuarza halogen (quartz halogen) memberi cahaya putih yang lebih biasa dari cahaya kuning yang diberi oleh lampu jenis tungsten. Lampu kuarza halogen juga dapat tahan lebih lama. Alat membaca mikrofis yang disediakan untuk pengguna perpustakaan akan mempunyai kedudukan dua keamatan cahaya (intensity light settings) rendah dan tinggi, dengan penyinaran (illumination) lebih kurang 80 watt. Empat alat membaca mikrofis yang lebih mahal, yang mempunyai tiga kedudukan keamatan cahaya (intensity light positions) iaitu rendah, sederhana dan tinggi, telah diperolehi, dan alat-alat ini akan hanya digunakan di bilik-bilik kerja di mana didapati keperluan untuk kerap kali menggunakannya.

Meja-meja khas, untuk membaca mikrofis dan menempatkan pembaca COM serta katalog-katalog COM telah pun direkabentuk dan dipesan. Kemudahan dan kesenangan untuk menggunakan katalog-katalog COM ini telah diutamakan dalam rekabentuk meja-meja itu. Katalog-katalog COM akan ditempatkan di Dewan Katalog di Tingkat Bawah dan juga Tingkat Pertama di Perpustakaan.

VI. Sistem "On-Line" di Masa Hadapan

Sifat kumulatif katalog COM bererti bahawa kos pengeluaran akan diperbesar apabila masukkan (input) rekod bagi tahun-tahun lepas dimasukkan ke dalam usaha mengira kos bagi katalog yang terbaharu. Adalah digambarkan bahawa selepas jangka masa lima tahun, meneruskan pengeluaran COM adalah tidak ekonomi. Oleh yang demikian, adalah dicerminkan bahawa dalam jangkamasa lima tahun, katalog-katalog Perpustakaan Universiti Malaya, akan didapati "on-line" melalui beberapa hujung-hujung komputer (computer terminals). Apabila ini dilaksanakan, COM tidak akan menjadi berlebihan sama sekali, tetapi akan mengambil peranan sistem menyokong (back-up) apabila komputer gagal atau rosak.

VII. Penggunaan Katalog COM


Keluaran sulung majalah *Kekal Abadi* menyiarkan berita mengenai automasi kerja-kerja mengkatalog di Perpustakaan dengan penyertaannya dalam sistem MALMARC. Jika sehingga ini katalog yang dihasilkan berbentuk kad, maka dengan usaha baru ini, katalog yang akan dikeluarkan digelar Katalog COM (Computer Output Microform Catalogue) iaitu, ia dikeluarkan dalam bentuk mikrofilem atau mikrofis. Di bawah sistem MALMARC, katalog COM ini akan hanya dikeluarkan dalam bentuk mikrofis.

Kami rasa semua pembaca sedia maklum berkenaan rupa mikrofis. Sekeping mikrofis MALMARC berukuran 10 X 15 cm dan mengandungi 4,000 butiran katalog. Tajuk mikrofis tertera di bahagian atas untuk memudahkan pengenalan kandungannya. Ini dapat dibaca dengan mata kasar tetapi isinya hanya dapat dibaca dengan bantuan alat-alat membaca mikrofis.


Alat-alat khas untuk membaca mikrofis telah diperolehi dan akan ditempatkan di Dewan Katalog dan di tempat-tempat lain. Alat-alat ini mempunyai pelbagai sifat khusus dari segi penyinaran dan keamatan cahaya yang boleh diubahsuai untuk keselesaan pengguna. Tempat masuk dan keluar mikrofis juga amat mudah dikendalikan (lihat gambar 1).

Dua perkara penting yang perlu diperhatikan ialah tajuk yang tertera di bahagian atas mikrofis dan kerangka

indeksnya yang akan didapati di sudut bawah kanan (lihat gambar 2). Indeks ini memberikan kordinat-kordinat kerangka yang mengandungi maklumat yang diperlu. Pengguna hanya perlu menolak petunjuk ke atas kordinat-kordinat yang didapati pada kekisi indeks dan maklumat yang terkandung dalam butiran katalog akan terpancar pada layar pandangan. Selepas mencatat maklumat yang perlu, pengguna hendaklah mengeluarkan mikrofis dan simpankannya dalam failnya.



Gambar 1



Gambar 2

Beberapa buah meja khas telah diperolehi untuk meletakkan alat-alat membaca mikrofis. Kepingan mikrofis akan disimpan dalam bekas-bekas yang mempunyai saku-saku untuk setiap mikrofis. Saku-saku ini akan dinomborkan supaya susunan mikrofis sentiasa teratur. Kakitangan Perpustakaan akan sentiasa menentukan kebersihan alat-alat membaca dan susunan betul mikrofis kerana jika tersalah tempat, maklumat untuk beribu-buah buku akan 'lesap'.

Para pengguna diminta bercermat dan berhati-hati semasa menggunakan alat-alat membaca serta katalog-katalog COM. Cara-cara menggunakan alat-alat ini akan disampaikan sewaktu rancangan haluan siswa dan kakitangan Perpustakaan akan sentiasa berada untuk menunjuk-ajar mereka yang menghadapi sebarang kesulitan.

Perlu dinyatakan bahawa alat-alat membaca terhad dan yang demikian para pembaca hendaklah memahirkannya diri untuk menggunakan katalog COM dengan cepat dan tepat supaya orang lain juga dapat menggunakannya tanpa menunggu lama.

Katalog-katalog merupakan kunci kepada khazanah kaya yang tersimpan dalam Perpustakaan. Sebelum seseorang dapat menggunakan sesuatu isi khazanah tersebut, wajiblah ia mengetahui cara-cara mendapatkan maklumat mengenainya daripada katalog.

INGAT! Arif menggunakan katalog, cepat mendapatkan buku.

MALMARC di Perpustakaan Perubatan

Perpustakaan Perubatan menyertai projek MALMARC mulai dari 1 April 1982. Katalog berbentuk kad telah ditutup. Sementara menunggu keluaran katalog COM, butir-butir seperti pengarang, judul, penerbit dan nombor panggilan buku-buku baru yang dikatalog akan terus dicatat pada kepingan kertas dan difail dalam katalog.

Perpustakaan Perubatan menggunakan sistem pengelasan dan tajuk-tajuk perkara National Library of Medicine. Oleh itu sebahagian besar daripada buku-buku yang diperolehi mungkin tidak dapat dikesan dalam pita-pita LC atau BNB MARC di Universiti Sains Malaysia. Untuk bahan-bahan seperti ini, kakitangan profesyenal akan terus mengkatalognya dan kirimkan maklumat katalog ke USM untuk dimasukkan ke dalam fail Perpustakaan Perubatan UM.

Dua buah alat membaca mikrofis telah diperolehi. Kakitangan Perpustakaan akan sentiasa berada untuk menunjuk-ajar cara-cara menggunakan katalog COM.